

JIMAT AIR SEKARANG, KETIKA BERJUTA-JUTA ORANG MENGHADAPI CATUAN AIR

PULAU PINANG, 19 APRIL 2014: Pengguna-pengguna domestik di Pulau Pinang perlu mula jimat air sekarang ketika 6.7 juta penduduk di Selangor menghadapi catuan air “peringkat 4”.

Ir. Jaseni berkata rakyat Pulau Pinang bernasib baik untuk “hanya membayangkan” ketidakselesaan pusingan setiap dua hari bekalan air dan dua hari tanpa bekalan air.

“Tidak berlaku catuan di Pulau Pinang kerana PBAPP menguruskan bekalan air di negeri ini secara efisien. Kadar kehilangan air kita, atau peratus NRW adalah yang terendah di Malaysia. Kita menguruskan infrastruktur air sedia ada secara efisien dan berhati-hati serta mengambil, merawat dan membekalkan air yang mencukupi 24 jam sehari. Saluran paip dasar laut dan rangkaian paip membolehkan kita untuk menyalurkan air dari Seberang Perai ke Pulau Pinang, dan dari Empangan Teluk Bahang ke kawasan tinggi di Air Itam,” kata beliau.

Bagaimanapun, beliau menambah, kecekapan PBAPP sahaja tidak cukup untuk mengelak catuan air di Pulau Pinang pada masa hadapan. “Kita mungkin telah mengharungi cuaca bulan Mac dan April, tetapi kita masih belum begitu selamat,” kata beliau.

Ir. Jaseni menamakan tiga sebab utama bagi perkara ini:

- Kurang taburan hujan pada April 2014 berbanding purata sebelum ini;
- Paras air Sungai Muda dan kapasiti efektif tiga empangan utama di Pulau Pinang masih belum “pulih” sepenuhnya; dan
- Penggunaan per kapita domestik Pulau Pinang, pada 311 l/k/h, adalah yang tertinggi setakat ini.

‘Tidak Patut Menggunakan 311 l/k/h ketika di tempat lain berlaku Catuan Air.’

“Adalah tidak patut dan tidak bijak bagi rakyat Pulau Pinang untuk menggunakan purata 311 l/k/h ketika rakyat di negeri lain mengalami catuan air,” beliau berkata.

“Jika anda terus biarkan pili air mengalir dan mencurahkan air menggunakan hos untuk membersihkan kenderaan dan halaman setiap hari, jangan salahkan kami jika kami perlu mengenakan catuan apabila kekurangan air. Dalam lain perkataan, jika anda memilih untuk menggunakan air secara bijak, kita dapat mengelak catuan air di Pulau Pinang selama mana yang boleh,” kata Ir. Jaseni, dan menggesa orang ramai untuk mengamalkan tip jimat air yang terdapat di laman web www.pba.com.my.

“Untuk menjimat air secara automatik, anda boleh memasang peranti jimat air di rumah atau pejabat. Ini termasuk paip hujan, kelengkapan paip, kelengkapan tandas dwi-simbah, mesin basuh dan mesin basuh pinggan-mangkuk. Sila rujuk dengan tukang paip, kedai perkakasan dan kedai barangan elektrik mengenai peranti jimat air,” tambah beliau.

Projek Perancangan Masa Hadapan Pulau Pinang untuk Air yang Mencukupi

Ir. Jaseni berkata permintaan air Pulau Pinang berada pada 964 juta liter sehari (MLD) pada tahun 2012. “Menjelang tahun 2020, permintaan air Pulau Pinang diunjurkan untuk mencapai 1,260 MLD. Menjelang tahun 2050, diunjurkan ia akan mencecah 1,884MLD,” kata beliau.

Sungai Muda, tambah beliau, hanya boleh menjadi sumber air mentah yang mencukupi sehingga tahun 2020.

“Inilah sebabnya Kerajaan Negeri Pulau Pinang melobi Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Skim Pemindahan Air Sungai Perak (SPWTS). Ia berpotensi untuk memberikan tambahan 1,300MLD kepada Pulau Pinang, memastikan air yang mencukupi sehingga tahun 2050.

“Bagaimanapun, kita kesuntukan masa. SPWTS perlu dimulakan sekarang kerana ia memerlukan 7 tahun untuk disiapkan, iaitu menjelang tahun 2020,” ujar beliau lagi. “Pada masa yang sama, kita perlu menerokai kemungkinan penuaian air hujan, kitar semula air dan *desalination* terhadap air laut.”

Ir. Jaseni berkata projek penuaian air hujan, kitar semula air dan *desalination* terhadap air laut, jika dijalankan untuk menjadi pelengkap kepada SPWTS, akan memberikan air yang cukup untuk jangka masa panjang kepada Pulau Pinang tetapi “kos akan menjadi tinggi.”

Beliau memberi contoh, Singapura telah melaksanakan teknologi itu untuk melengkap kaedah rawatan air konvensional. Bagaimanapun, purata tarif untuk 35,000 liter pertama setiap bulan untuk penggunaan domestik adalah RM3.92 setiap 1000 liter berbanding caj oleh PBAPP sebanyak RM0.31 setiap 1,000 liter.

“Penggunaan per kapita di Singapura pada 2013 adalah 151 l/k/h, berbanding 311 l/k/h bagi Pulau Pinang. Jadi, penggunaan per kapita bagi Singapura adalah kurang separuh daripada Pulau Pinang, kemungkinan disebabkan tarif airnya adalah 12 kali ganda lebih tinggi,”

Dalam pada itu, untuk terus mengurangkan NRW bagi Pulau Pinang, PBAPP telah menandatangani Program Usahasama JICA dengan Tokyo Suido Services (TSS) pada 18 Mac 2014. Di bawah program ini, pakar-pakar TSS akan melatih kakitangan PBAPP dalam teknologi terkini pengurangan NRW Jepun. TSS telah membantu Tokyo untuk menurunkan peratus NRW daripada 24% kepada 3% NRW dalam tempoh 30 tahun.

“Di Tokyo, peratus NRW adalah 3% tetapi purata tariff untuk 35,000 liter pertama setiap bulan untuk penggunaan domestik adalah RM3.68 setiap 1,000 liter,” Ir. Jaseni berkata.

“Justeru, sila fikirkan untuk masa hadapan dan jimat air sekarang. Sebagai organisasi kejuruteraan bekalan air, objektif utama PBAPP ialah untuk memastikan bekalan air yang mencukupi di Pulau Pinang dalam apa cara pun. Apa yang PBAPP perlu lakukan untuk mencapai objektif ini, berapa banyak yang perlu dilaburkan, dan berapa kerap perlu mengkaji semula tarif... bergantung kepada pengguna air di Pulau Pinang,” kata beliau lagi. (ends)

Issued by Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd

Contact: Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Corporate Communications Unit

Tel : 04-201 3231 Email : syarifah@pba.com.my